

# Siswa kena ambil mangsa banjir anak angkat

**B**ENCANA banjir yang melanda beberapa negeri di Malaysia akhir-akhir ini bukan saja mengorbankan nyawa malah kehilangan banyak harta benda. Musibah ini ibarat tsunami kecil tidak dijangka.

Majlis Perwakilan Pelajar Kolej Universiti Islam Malaysia (MPPKUIIM) turut melahirkan simpati dan dukacita atas musibah yang menimpa sebahagian masyarakat kita.

Sejak berita mengenai bencana banjir dihebahkan di media, banyak bantuan dan ramai sukarelawan membantu meringankan beban tanggungan kerugian bencana itu seperti jabatan kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), parti politik dan tidak terkecuali mahasiswi IPT.

MPPKUIIM merakamkan ucapan syabas kepada rakan mahasiswa yang mengambil inisiatif untuk turun padang membantu mangsa banjir.

Saban hari ada mahasiswa dari setiap IPTA atau IPTS bersama-sama bergotong royong membersihkan surau, sekolah, rumah dan kawasan kampung terbabit.

Sumbangan hasil kutipan derma di kampus juga dilakukan mahasiswa yang secara tidak langsung memamerkan kesedaran mahasiswa negara yang proaktif dan sensitif dengan isu kemasyarakatan.

Saranan dan hasrat kerajaan dan juga masyarakat disambut baik oleh mahasiswa.

Menyedari mahasiswa mempunyai status sosial di dalam masyarakat, MPPKUIIM meminta seluruh MPP dan persatuan pelajar di kampus seluruh negara berganding bahu menggiatkan usaha membantu mangsa bencana banjir secara berterusan.

MPPKUIIM mencadangkan golongan mahasiswa melalui wasilah persatuan pelajar di kampus turun ke tempat berkenaan bagi memberi bantuan lanjutan seper-

ti mengadakan kem motivasi pelajar di sekolah yang musnah dilanda banjir.

Kegiatan seperti ini adalah proses untuk menaikkan kembali semangat pelajar selepas berduka cita atas kerosakan yang melanda sekolah dan rumah mereka.

Ada banyak sekolah yang mengalami kerosakan harta benda seperti komputer, buku teks, meja, almari dan alat bantuan mengajar lain. Barang ini dibuang kerana tidak dapat diperbetulkan.

Justeru, MPPKUIIM mencadangkan persatuan pelajar di kampus mengambil sekolah berkenaan sebagai sekolah angkat bagi memberi bantuan fizikal dan spritual secara berterusan.

Usaha murni seperti ini akan mengeratkan hubungan secara langsung antara mahasiswa dan pihak sekolah supaya proses untuk mendidik serta membimbing pelajar ini dilakukan secara berterusan dan konsisten.

Sebagai contoh MPPKUIIM sudah mengambil Sekolah Kebangsaan Liang Batu, Pagoh, Johor sebagai sekolah angkat bagi MPPKUIIM untuk menjalankan kegiatan secara konsisten membantu sekolah dan pelajar.

Selain itu, program Khidmat Masyarakat atau OPKIM yang sering dilakukan mahasiswa perlu diperluaskan ke kawasan dilanda banjir.

Program tradisi bakti siswa mesti diteruskan dan diaktifkan dengan menggunakan pelbagai bentuk pendekatan efisien dan efektif serta penganjuran beberapa siri program mentoring yang berterusan agar matlamatnya dicapai.

**MOHD HARIRI  
MOHAMAD DAUD,**

*Yang Dipertua,  
Majlis Perwakilan Pelajar,  
Kolej Universiti Islam Malaysia,  
(KUIIM), Sesi 2006/2007.*